

45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU

TARIKH : 21.11.2017

SOALAN : NO. 28

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar yang telah diberi tawaran kursus perubatan dan pergigian bagi tahun 2017. Berikan maklumat ini secara terperinci berdasarkan IPTA dan pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemasukan ke universiti awam (UA) adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Pemohon juga mesti memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti.

Proses temuduga turut dilaksanakan di UA bagi program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu seperti perubatan dan pergigian bagi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Pada sesi akademik 2017/2018, tawaran bagi program perubatan dan pergigian peringkat Sarjana Muda di UA yang dimohon melalui *UPUOnline* adalah:

- (a) sebanyak 526 tempat bagi program perubatan di Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UM), Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia;
- (b) sebanyak 131 tempat bagi program pergigian ditawarkan di UM, USM, dan UKM;
- (c) penawaran program perubatan di lapan buah UA kepada kaum bumiputera (51.5 peratus) dan bukan bumiputera (48.5 peratus); dan
- (d) penawaran program pergigian di tiga buah UA kepada kaum bumiputera (59.5 peratus) dan bukan bumiputera (40.5 peratus).